

# Singapura longgarkan dasar sektor khidmat pelabuhan, marin

UM 30 MAR 2002

SINGAPURA 29 Mac — Singapura hari ini berakata, republik itu akan melonggarkan dasar sektor perkhidmatan pelabuhan dan mar-in dalam usaha menangkis peningkatan persaingan daripada jiran-jirannya.

Dalam satu kenyataan dasar, Menteri Pengangkutan Singapura, Yeo Cheow Tong berkata, negara itu akan melonggarkan dasar pengangkutan udara dengan melebarkan rangkaian hubungan dengan China dan India.

“Bagi menangani pertumbuhan dalam persaingan dari pelabuhan-pelabuhan jiran, Kementerian Pengangkutan (MOT) akan terus melonggarkan dasar perkhidmatan pelabuhan dan marin di mana yang sesuai bagi memastikan Singapura

mampu menyediakan kualiti tinggi dan perkhidmatan bernilai tambah yang berdaya saing,” katanya.

MOT juga akan membangunkan perkhidmatan sokongan kepada sektor maritim termasuk dalam aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Kenyataan yang dikeluarkan sempena pembukaan penggal baru parlimen itu bagaimanapun tidak merujuk kepada mana-mana negara secara khusus.

Bagaimanapun, Malaysia yang berjiran dengan Singapura telah memulakan langkah dengan memberi persaingan hebat kepada pelabuhan Singapura untuk menjadi pusat transit perkapalan di rantau itu.

Tahun lalu, syarikat

perkapalan Denmark, Maersk Sealand telah memindahkan aktivitinya dari Singapura ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor iaitu negeri yang bersempadan dengan republik itu.

Syarikat Taiwan, Evergreen Marine Corporation turut mengambil keputusan untuk memindahkan pusat transitnya di Asia Tenggara dari Singapura ke PTP.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Januari lalu berkata, kerajaan Malaysia merancang untuk melebarkan perkhidmatan pelabuhan-pelabuhannya dalam usaha menjadikan negara itu sebagai tumpuan perdagangan dan perkapalan di rantau berkeanaan. — AFP